

28 MAR 1996

PM PAPUA NEW GUINEA MELAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Papua New Guinea, Sir Julius Chan dan isterinya, Lady Stella Chan akan melakukan lawatan rasmi enam hari ke Malaysia bermula 1 April.

Chan akan diiringi oleh Menteri Pembangunan dan Perancangan Kebangsaan, Moi Ave, beberapa anggota Parlimen, pegawai kanan dan ahli perniagaan.

Wisma Putra berkata Chan dan Stella akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Chan juga dijadualkan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi dan Petronas.

Beliau juga akan memberi ceramah mengenai "Peluang-peluang di Papua New Guinea" kepada ahli-ahli Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia.

Chan juga akan melawat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), kilang Proton dan Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (Porim) selain lawatan tiga hari ke Sarawak dan sehari ke Johor.

Papua New Guinea terletak di bahagian timur Pulau New Guinea manakala di bahagian baratnya wilayah Indonesia Irian Jaya. Ia mempunyai penduduk 4.2 juta orang. -- BERNAMA.

AFY OBA.